



TEKS UCAPAN PENGULUNGAN

**YB DATUK SERI DR. ZALIHA MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

SEMPENA

**MESYUARAT PERTAMA
SIDANG BELIA WILAYAH PERSEKUTUAN
PENGKAL 2025**

23 JUN 2025

**DEWAN HEAD OF STATES
PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGSA PUTRAJAYA (PICC)**

Pendahuluan

Terima kasih Yang Berhormat Speaker,

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

1. Terlebih dahulu, saya memanjatkan rasa syukur ke hadrat Ilahi, atas limpah kurnia-Nya yang mengizinkan kita berkumpul dalam Mesyuarat Pertama, Penggal 2025, Sidang Belia Wilayah Persekutuan.
2. Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada kesemua **65** orang Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah terpilih sebagai ahli Sidang Belia Wilayah Persekutuan bagi penggal ini. Suka diingatkan bahawa pemilihan Ahli-Ahli Yang Berhormat bukan sahaja satu bentuk penghormatan, tetapi juga satu beban amanah yang perlu digalas dengan penuh tanggungjawab dan iltizam untuk mewakili suara anak muda dari seluruh pelusuk Wilayah Persekutuan – Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.
3. Saya ada mengikuti perbahasan Ahli-Ahli Yang Berhormat secara atas talian dan Yang Berhormat Speaker juga memaklumkan kepada saya bahawa kualiti perbahasan ahli Sidang Belia setanding dengan perbahasan di Parlimen Malaysia, dan dalam masa yang sama tingkah laku ahli Sidang Belia, terutamanya ketika bertikam lidah, saling tidak tumpah dengan ahli-ahli Parlimen yang sebenar.
4. Dalam hal ini, saya ingin mengingatkan Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya tidak lupa akan semangat asal penubuhan Sidang Belia Wilayah Persekutuan yang selari dengan aspirasi Malaysia MADANI dalam memupuk barisan kepimpinan anak muda berpaksikan nilai adab serta ihsan. Sehubungan dengan itu, apa yang diperhatikan baik daripada perbahasan di Parlimen Malaysia boleh dijadikan tauladan, dan apa yang tidak baik jadikanlah sempadan.

5. Sebelum memulakan penggulungan, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada **11** orang Ahli Yang Berhormat yang telah terpilih sebagai pencadang ke atas usul-usul Perbahasan yang dibentangkan dalam Mesyuarat Pertama, Penggal 2025, Sidang Belia Wilayah Persekutuan iaitu:
- a. YB Bandar Tun Razak 7.
 - b. YB Batu 4;
 - c. YB Cheras 1;
 - d. YB Labuan 1;
 - e. YB Lembah Pantai 5;
 - f. YB Putrajaya 6;
 - g. YB Setiawangsa 5;
 - h. YB Setiawangsa 6;
 - i. YB Wangsa Maju 1;
 - j. YB Wangsa Maju 2; dan
 - k. YB Wangsa Maju 4.
6. Sekalung penghargaan juga diucapkan kepada semua pembahas tetap dan pembahas tambahan yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan kesemua **15** usul merentasi **5** kluster.
7. Daripada kesemua usul yang telah dikemukakan, setelah diperhalusi dan diteliti secara bersama oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebanyak **9** usul telah dipertimbangkan untuk diteruskan, manakala **6** usul lagi tidak dipersetujui. Saya percaya ini mencerminkan kematangan perbahasan dan pertimbangan strategik oleh sidang yang mulia ini. Misalnya, ada usul yang menyentuh cadangan penubuhan IPT berstatus kampus penuh di Labuan. Pada pandangan saya, ini satu aspirasi yang signifikan dan wajar dihargai, namun mungkin memerlukan penelitian yang lebih mendalam serta perancangan jangka panjang seiring keutamaan dasar semasa Kerajaan.

8. Namun begitu, memandangkan kekangan masa – *kerana saya perlu menghadiri Mesyuarat Khas Jemaah Menteri pada petang ini* – saya tidak dapat memberikan maklum balas secara satu per satu terhadap setiap usul dan cadangan yang dibangkitkan. Sebaliknya, saya akan memberikan menjawab secara keseluruhan sahaja berdasarkan isu-isu yang telah digabungkan mengikut tema yang berkaitan.

Isu 1: Pembangunan Wilayah Persekutuan Labuan yang Mundur

Yang Berhormat Speaker,

9. Saya menghargai keprihatinan dan ketabahan Ahli-Ahli Yang Berhormat daripada Wilayah Persekutuan Labuan yang sentiasa cakna dan tidak kenal erti putus asa dalam membangkitkan isu pembangunan infrastruktur di pulau tersebut. Isu yang sama juga turut dibangkitkan oleh ahli Sidang Belia Penggal 2024 daripada Labuan di mana saya telah pun memberikan jawapan mengenai jumlah peruntukan bagi menambah baik infrastruktur elektrik dan air melalui projek yang sedang dijalankan oleh Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA). Pada penggal yang sama juga, saya telah berkongsi Pelaporan Program MADANI Rakyat Labuan 2024 yang menyaksikan pertambahan jumlah pengunjung ke Labuan sehingga 70% dan memberikan impak positif terhadap ekonomi Labuan terutamanya industri perhotelan.
10. Maka saya tidak ingin mengulang jawapan yang serupa pada penggal ini. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa usaha yang baru membuahkan hasil yang pada saya wajar dimaklumkan dalam persidangan ini. **Pertama**, berkaitan perkhidmatan feri ekspres antara Kota Kinabalu dan Labuan yang telah dilancarkan semula pada 27 Mei 2025 bersama-sama YAB Ketua Menteri Sabah. Perkhidmatan ini berjaya dioperasikan semula selepas tiga tahun dihentikan susulan pandemik COVID-19. Langkah ini disokong dengan peruntukan Kerajaan Persekutuan sebanyak RM1.3 juta untuk kerja naik taraf jeti di *KK Port*, dan feri telah beroperasi secara mingguan bermula 4 Jun 2025 dengan tambang promosi untuk rakyat tempatan dan pelancong asing.

11. Pemulihan laluan feri ini bukan sekadar menyediakan kemudahan pengangkutan, tetapi turut memberi impak besar kepada kesejahteraan masyarakat dan pembangunan ekonomi setempat di Labuan. Ia dijangka memudahkan urusan pergerakan pelajar, pesakit, penjawat awam dan ahli keluarga antara Sabah dan Labuan, selain menggalakkan pelancongan serta memperkukuh rangkaian logistik serantau. Inisiatif ini juga adalah simbol komitmen kerajaan MADANI dalam memastikan kesejahteraan rakyat terus dipelihara.
12. **Kedua**, penganjuran *Borneo Flora Festival* yang dirancang diadakan buat pertama kalinya di kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan dari 26 hingga 30 Julai 2025. Festival ini akan menampilkan 20 taman tema yang dipenuhi lebih 200,000 bunga dan tumbuhan tropika bernilai, serta memperlihatkan keindahan biodiversiti landskap asli kawasan Borneo.
13. Festival ini dirancang khusus untuk Labuan dengan sasaran dapat menarik lebih 50,000 pengunjung dari seluruh Malaysia serta pelawat dari Brunei dan Kalimantan, sebagai acara pelancongan utama tahun 2025 bagi mengekalkan jumlah kemasukan pengunjung ke Labuan susulan tamatnya Program MADANI Rakyat Labuan 2024 supaya ekonomi Labuan terus dirangsang dan dalam masa yang sama mempromosikan Labuan sebagai destinasi eko-pelancongan bagi manfaat jangka panjang. Pulangan pelaburan daripada hasil langsung melalui perbelanjaan pengunjung dijangka akan membawa masuk aliran tunai di antara RM15 ke RM20 juta ke Wilayah Persekutuan Labuan.
14. Untuk edisi sulung ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong telah berkenan mencemar duli untuk hadir ke perasmian *Borneo Flora Festival*.

15. **Seterusnya**, bagi mengangkat Labuan supaya setaraf dengan Wilayah Persekutuan yang lain, kita perlu mengakui pulau tersebut memerlukan perhatian jangka panjang. Atas dasar ini, saya telah memohon pegawai-pegawai Jabatan Wilayah Persekutuan untuk mengemukakan inisiatif khusus untuk Labuan dalam bab yang menyentuh pembangunan antara wilayah dalam draf dokumen RMKe-13. Saya akan memastikan Labuan diberikan perhatian sepanjang pelaksanaan RMKe-13 daripada 2026 hingga 2030 dan berharap perhatian yang sama dapat diteruskan dalam RMKe-14 (2031 – 2035) . Sekiranya diberi tumpuan khusus selama satu dekad, impian untuk melihat Labuan berdiri sama tinggi dengan Wilayah Persekutuan yang lain, sudah pasti tidak lagi hanya menjadi angan-angan.
16. Setakat ini, sebagaimana komitmen yang telah saya berikan ketika baru menerajui Wilayah Persekutuan, saya tidak pernah gagal untuk melawat Wilayah Persekutuan Labuan sekurang-kurangnya sebulan sekali. Saya mengambil serius kenyataan yang dibangkitkan oleh wakil ahli Sidang daripada Labuan yang menyatakan bas mini di Labuan berada dalam keadaan daif dan dipandu keliling Labuan tanpa pintu. Dalam siri lawatan terdekat, iaitu 27 hingga 30 Jun 2025, saya akan mohon Perbadanan Labuan untuk mengaturkan sesi turun padang untuk saya mendapatkan lebih banyak maklumat mengenai perkara ini, seterusnya meneroka cara penyelesaian terbaik dengan Kementerian Pengangkutan. Warga Labuan layak mendapat mod pengangkutan awam darat yang lebih selesa dan bermaruah.

Isu 2: Kesan Perubahan Iklim di Wilayah Persekutuan terutamanya di Bandaraya Kuala Lumpur / Penubuhan KL Youth Force

Yang Berhormat Speaker,

17. Usul dalam Kluster Alam Sekitar pada mesyuarat kali ini banyak tertumpu kepada kesan perubahan iklim kepada suhu terutamanya di bandaraya Kuala Lumpur. Istilah ‘pulau haba’ disebut berkali-kali dalam perbahasan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terdapat dua cadangan diutarakan, iaitu **green cooling district** dan **pembinaan lebih banyak laluan pejalan kaki dan laluan basikal** bagi mengurangkan *carbon footprint*.
18. Bagi cadangan *green cooling district*, teknologi ini bukanlah baharu di Wilayah Persekutuan. Premis KLCC dan sesetengah bangunan Putrajaya menggunakan teknologi ini di mana terdapat sebuah fasiliti yang akan menghasilkan air sejuk yang kemudiannya disalurkan kepada bangunan pejabat sebagai pendingin hawa. Menara 1 DBKL di Kuala Lumpur dan Masjid Besi di Putrajaya pula menggunakan teknologi *green cooling district* bersifat *retrofitting* di mana air sungai dan air tasik digunakan untuk membantu menyejukkan suhu bangunan supaya dapat menjimatkan penggunaan tenaga penghawa dingin. Teknologi ini baik tetapi ianya tidak murah dan menelan belanja pembinaan sehingga ratusan juta ringgit.
19. Cadangan *green cooling district* ini juga disokong oleh Akta Kecekapan dan Konservasi Tenaga (EECA) 2024, yang digubal oleh Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), yang telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2025. Rang undang-undang ini merupakan salah satu inisiatif penting negara dalam memperkukuh kecekapan penggunaan tenaga dan mempromosikan amalan konservasi tenaga secara menyeluruh.
20. Selari dengan itu, Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) yang diterajui oleh Kementerian Ekonomi turut dilaksanakan bagi memacu peralihan sistem tenaga negara ke arah penggunaan sumber tenaga yang lebih bersih, mampan dan berdaya tahan. Kedua-dua inisiatif ini menyokong komitmen Malaysia untuk mencapai sasaran pelepasan sifar bersih (*Net Zero Emission*) menjelang tahun 2050.

21. Sekiranya Ahli-Ahli Yang Berhormat ada mengikuti jawapan saya di Dewan Rakyat pada 27 Februari 2025, saya telah mengarahkan DBKL supaya menambahkan jumlah pohon rendah di Kuala Lumpur, terutamanya di sekitar Taman Tasik Titiwangsa. Pokok-pokok tersebut akan ditanam dalam kluster tertentu secara deretan, supaya membentuk lorong angin semula jadi, yang membantu pengudaraan dengan menolak angin panas keluar daripada kawasan bandaraya Kuala Lumpur dan mengurangkan suhu sekitar. Pemilihan spesies juga dititikberatkan dengan spesies seperti Hujan-Hujan dan Meranti yang terkenal dengan kanopi yang luas, dan berupaya memberikan teduhan yang baik kepada pejalan kaki telah dipilih untuk ditanam.
22. Ada juga spesies seperti Bungor dan Bunga Tanjung yang bukan sahaja berfungsi sebagai elemen estetik tetapi juga menghasilkan bunga yang wangi, serta dapat menarik lebih banyak fauna seperti burung dan serangga pendebunga dipilih untuk ditanam di kawasan taman dan tasik di sekitar bandaraya.
23. Manakala bagi cadangan pembinaan lebih banyak laluan basikal dan pejalan kaki bagi mengurangkan *carbon footprint*, saya berpandangan Kerajaan tiada halangan untuk bersetuju dengan cadangan ini. Tetapi ingin saya kongsi yang di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, falsafah perancangan bandar yang diamalkan sekarang adalah *compact development*, yang akan banyak menggunakan teknik *vertical development* yang juga pernah saya kongsi di Dewan Rakyat pada 17 Februari 2025.
24. Saya juga pernah kongsi di Dewan Rakyat mengenai caj kesesakan pada 26 Februari 2025 di mana saya nyatakan sekiranya caj kesesakan dilaksanakan di Kuala Lumpur, kadar trafik dijangka akan segera menyusut sebanyak 20% dan ini bermaksud kadar pencemaran juga akan berkurang pada peratusan yang sama.
25. Perkara berkaitan dengan pembangunan bandar yang lebih selamat, hijau dan mampan telah saya institusikan dalam dokumen Bandar CHASE, iaitu *Clean, Healthy, Advanced, Safe and Eco-Friendly City*.

26. Bagi cadangan penubuhan *KL Youth Force*, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) merupakan agensi utama di bawah Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab menyelaras pengurusan dan pengurangan risiko bencana di Malaysia. Bagi memperkukuh kesiapsiagaan dan respon bencana di peringkat komuniti bandar, kerjasama strategik dengan NADMA amat penting dalam pelaksanaan pasukan reaksi pantas belia yang dicadangkan, iaitu *KL Youth Force*. Sekiranya ditubuhkan, melalui kerjasama ini, *KL Youth Force* dapat menerima latihan, simulasi, dan pendedahan secara langsung daripada NADMA, seterusnya memastikan pasukan ini bersedia digerakkan secara teratur, pantas dan selamat ketika bencana berlaku.
27. Untuk memastikan kelancaran pengurusan bencana, NADMA telah mengeluarkan beberapa Prosedur Operasi Standard (SOP) yang komprehensif seperti Arahan NADMA No. 1 (Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara), SOP Pengurusan Banjir Semasa Pandemik COVID-19, dan garis panduan koordinasi latihan antara agensi. Sejak penubuhannya pada tahun 2017, platform Rakan NADMA telah menyatukan pelbagai agensi kerajaan, NGO, GLC, institusi pendidikan dan individu dalam usaha pengurangan risiko bencana. Justeru, kerjasama antara *KL Youth Force* dan NADMA adalah berpotensi bagi memperkukuh keberkesanan respons kecemasan bandar melalui penglibatan belia yang terlatih dan bersiap siaga.
28. Walau bagaimanapun sebarang idea penubuhan entiti yang melibatkan implikasi kewangan kepada Kerajaan hendaklah diperhalusi terlebih dahulu. Sekiranya Ahli-Ahli Yang Berhormat benar-benar serius untuk menubuhkan *KL Youth Force* ini, saya mohon untuk mengemukakan terma rujukan penubuhannya dan unjuran peruntukan yang diperlukan untuk saya teliti terlebih dahulu.

Isu 3: Kuota 25% Wakil Belia dalam Penyertaan Jawatankuasa DBKL

Yang Berhormat Speaker,

29. Berkenaan cadangan agar ditetapkan kuota 25% wakil belia dalam penyertaan jawatankuasa di bawah DBKL, saya ingin menyatakan bahawa secara dasarnya Kerajaan tidak mempunyai sebarang halangan terhadap penyertaan belia. Malah, Kerajaan amat menggalakkan penglibatan aktif golongan belia dalam jawatankuasa sedia ada, selaras dengan hasrat memperkasa suara belia dalam proses pembuatan dasar, terutamanya di Kuala Lumpur yang mencatatkan lebih 40% penduduknya terdiri daripada golongan muda.
30. Sebagai contoh, pelantikan ke dalam Lembaga Penasihat DBKL tidak menyekat penglibatan belia, bahkan proses pelantikan adalah terbuka kepada individu yang berwibawa tanpa diskriminasi umur, selagi memenuhi kriteria dan keperluan peranan yang ditetapkan. Justeru, penyertaan belia dalam jawatankuasa dan badan penasihat DBKL boleh terus dipertingkatkan melalui pencalonan yang berasaskan merit dan semangat representasi inklusif.
31. Dalam hal ini, saya ingin menyeru agar golongan belia tidak hanya menuntut kuota semata-mata berdasarkan nisbah populasi belia terhadap jumlah keseluruhan penduduk. Secara peribadinya, saya tidak sepenuhnya bersetuju dengan penetapan kuota semata-mata, kerana saya percaya bahawa ruang penyertaan belia seharusnya dibuka seluas-luasnya tanpa kekangan angka atau peruntukan khusus. Apa yang lebih penting adalah mewujudkan persekitaran yang menyokong penglibatan belia secara aktif, inklusif dan berasaskan merit — di mana setiap anak muda yang berwibawa diberi peluang yang adil untuk menyumbang dalam proses membuat keputusan. Tuntutan penyertaan perlu disertai dengan kesediaan untuk menyumbang secara bermakna dalam proses membuat keputusan.

32. Sebagai contoh, statistik *Inter-Parliamentary Union* (IPU) menunjukkan bahawa hanya sekitar 2.6% daripada Ahli Parlimen di seluruh dunia berusia di bawah 30 tahun. Sehubungan itu, IPU membawa kempen yang menyeru agar lebih ramai individu di bawah umur 30 tahun diberi peluang menjadi Ahli Parlimen, memandangkan lebih separuh daripada populasi dunia kini berusia bawah 30 tahun. Walau bagaimanapun, IPU menekankan bahawa walaupun jurang penyertaan generasi muda dalam politik masih ketara, namun ia perlu ditangani bukan melalui kuota, tetapi melalui pembangunan kapasiti, akses kepada peluang kepimpinan, dan perubahan minda institusi. Belia mesti dilihat sebagai wakil *intergenerational* yang bukan hanya mewakili suara orang muda, tetapi suara rakyat secara keseluruhannya.
33. Sehubungan dengan itu, apa sebenarnya yang lebih penting adalah kewujudan struktur yang membolehkan anak muda menyuarakan pandangan mereka secara bermakna dalam proses pembuatan dasar. Saya percaya bahawa golongan belia tidak menuntut tempat untuk bersandar, tetapi ruang untuk menyumbang — bukan kerana anak muda mahu diiktiraf, tetapi kerana anak muda mahu memberi nilai.

Isu 4: Penguatkuasaan Terhadap Penempatan Warga Asing

Yang Berhormat Speaker,

34. Kebanjiran warga asing di bandaraya sememang akan menimbulkan kacau ganggu dan rasa kurang selesa kepada warga kota. Namun, usaha *placemaking* bagi ‘membersihkan’ penempatan warga asing ini perlu berteraskan pendekatan “kemanusiaan berasaskan kawalan” – iaitu tidak menyisih komuniti warga asing secara keras, tetapi memastikan mereka terlibat dalam sistem bandar secara tersusun, beretika dan tidak menjejaskan keselamatan atau keharmonian warga tempatan. Dalam erti kata lain, bandaraya Kuala Lumpur harus berkembang sebagai kota kosmopolitan yang bukan sahaja moden dan mampan, tetapi juga adil dan inklusif.
35. Berkaitan dengan penguatkuasaan terhadap penempatan warga asing, semenjak awal menerajui Wilayah Persekutuan, saya telah menggariskan strategi *placemaking* yang memberi tumpuan kepada usaha menjadikan kawasan-kawasan tumpuan warga asing di Kuala Lumpur sebagai ruang awam yang lebih selamat, tersusun dan inklusif. Pendekatan ini tidak hanya bersifat fizikal seperti menaik taraf infrastruktur, tetapi turut merangkumi aspek sosial, ekonomi dan pengurusan komuniti rentan yang melibatkan pelarian dan migran. Fokus utama adalah tertumpu kepada kawasan seperti Jalan Silang dan Pasar Borong Selayang yang mencerminkan kepadatan tinggi komuniti asing dan wujudnya pelbagai cabaran dari segi kesihatan awam, keselamatan, penajaan tanpa izin dan konflik sosial.
36. Di kawasan Jalan Silang, saya ada mencadangkan pada tahun lalu agar kawasan ini dibangunkan sebagai satu bentuk *placemaking* beridentiti budaya, dengan perancangan semula ruang awam bagi memudahkan pergerakan, memperbaiki pencahayaan, menambah kawasan rehat dan menempatkan elemen budaya komuniti yang ada. Ini bukan sahaja menghidupkan semula kawasan tersebut sebagai destinasi pelancongan, tetapi juga menjadi ruang interaksi yang lebih harmoni antara penduduk tempatan dan warga asing yang sah yang tinggal atau bekerja di situ. Ruang yang direka dengan baik boleh mendorong rasa kepunyaan, seterusnya mengurangkan stigma dan jenayah kebencian terhadap warga asing.

37. Berkenaan Pasar Borong Selayang, adalah diakui terdapat keperluan penstrukturan semula kawasan ini secara menyeluruh. Ini termasuk penyusunan semula aktiviti perniagaan, kawalan ketat terhadap penempatan warga asing yang tidak berdokumen, serta penyediaan fasiliti asas seperti perumahan pekerja yang lebih teratur dan berlesen. Dalam hal ini saya telah pun mencadangkan supaya Kerajaan Persekutuan bekerjasama rapat dengan DBKL dan agensi penguatkuasaan lain bagi mengenal pasti zon perdagangan yang boleh dijadikan model *urban renewal*, tanpa menjejaskan kelangsungan ekonomi mikro yang turut menyumbang kepada bekalan makanan dan rantai logistik bandar.
38. Dalam menangani isu penjaja warga asing, saya tidak menolak hakikat bahawa ramai dalam kalangan mereka adalah pelarian berdaftar di bawah UNHCR, yang tidak dibenarkan bekerja secara sah di Malaysia. Apatah lagi kini *Touch & GO* membenarkan pendaftaran *e-wallet* menggunakan apa-apa sahaja bentuk pengenalan alternatif selain MyKad dan passport. Keadaan ini mendorong lebih ramai pelarian UNHCR untuk berniaga atau bekerja.
39. Justeru itu, perlu ada satu bentuk kerangka kawal selia khusus diwujudkan, dengan kerjasama UNHCR dan Kerajaan Malaysia, bagi membolehkan golongan ini menyertai ekonomi bandar secara lebih tertib dan terkawal. Dalam aspek kesihatan dan kebersihan awam, strategi *placemaking* ini turut melibatkan penyelarasan dengan Kementerian Kesihatan dan DBKL untuk memastikan tiada warga asing yang sudah pastinya tidak akan mematuhi standard keselamatan makanan, pengurusan sisa dan penjagaan alam sekitar.

Isu 5: Audit Keselamatan IT Tahunan di Agensi Kerajaan dan Silibus AI di Sekolah

Yang Berhormat Speaker,

40. Seterusnya mengenai usul yang mencadangkan agar kerajaan mewajibkan audit keselamatan sistem teknologi maklumat secara tahunan di agensi kerajaan dan institusi kewangan, serta memperluaskan perlindungan kepada transaksi digital sebagai langkah memperkukuh keselamatan siber negara. Walaupun usul ini tidak dipersetujui oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat, namun saya melihat ada kepentingan kepada usul ini selaras dengan agenda Kerajaan untuk membina ekosistem digital yang selamat, dipercayai dan berdaya tahan, sejajar dengan aspirasi Malaysia sebagai peneraju ekonomi digital serantau.
41. Dalam penggulungan Perbekalan Tambahan di Parlimen pada 2 Mac 2025, saya telah menekankan kepentingan MyDigital ID dan mengumumkan bahawa pendaftaran kad SIM baharu dan sedia ada dalam sedikit masa lagi perlu didaftarkan menggunakan MyDigital ID. Sistem ini tidak hanya sebagai pengesahan identiti digital nasional yang memudahkan urusan atas talian rakyat dan kerajaan, tetapi juga merupakan benteng utama terhadap risiko penyalahgunaan maklumat dan pencerobohan data. Sistem ini disokong oleh kerangka keselamatan siber yang kuat, termasuk pelaksanaan audit keselamatan secara berkala yang dijalankan oleh MIMOS Berhad. Dalam penggulungan yang sama juga, saya turut berkongsi bahawa beberapa bank seperti RHB dan Bank Rakyat akan mula menggunakan MyDigital ID sebagai kaedah log masuk.
42. Perlindungan digital rakyat tidak boleh hanya bersifat sistem, tetapi juga dijamin dari segi liabiliti yang sedang dibina melalui Akta Keselamatan Siber [Akta 854] 2024 di bawah Majlis Keselamatan Negara. Hanya dengan gabungan infrastruktur digital yang kukuh, pemantauan keselamatan yang konsisten, dan perlindungan pengguna yang jelas, barulah negara kita benar-benar bersedia menghadapi cabaran era digital dengan keyakinan dan ketahanan.

43. Manakala bagi isu berkaitan penggunaan kecerdasan buatan (AI) di sekolah rendah yang disarankan sebagai satu alat bantu yang penting dalam memperkaya proses pembelajaran, saya sokong kerana ianya tidak akan menambah beban kepada pelajar dan guru.
44. AI bukanlah satu subjek baru yang perlu diajarkan, tetapi lebih kepada alat yang dapat membantu meningkatkan pengajaran dan pembelajaran dengan cara yang lebih efektif dan menyenangkan. Dalam hal ini, pengumuman Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk melaksanakan pembelajaran kecerdasan buatan (AI) di sekolah rendah menjelang tahun 2027 adalah jelas. AI dilihat mempunyai potensi besar dalam meningkatkan pendidikan, terutamanya dalam bidang pengajaran dan pembelajaran (P&P) dan membuka peluang pekerjaan dalam sektor digital yang semakin berkembang. Namun, cabaran utama yang dibincangkan ialah kesiapsiagaan sistem pendidikan untuk menerima pelaksanaan pembelajaran AI, termasuk kekurangan infrastruktur yang mencukupi seperti komputer dan akses internet stabil.
45. Di samping itu, terdapat kebimbangan tentang murid yang masih belum menguasai kemahiran asas seperti membaca, menulis, dan mengira, yang mungkin tercicir daripada pelaksanaan kurikulum AI ini. Terdapat juga keperluan untuk memastikan pembelajaran AI tidak hanya bergantung kepada teknologi, tetapi juga mengintegrasikan aspek pembangunan sahsiah dan emosi murid. Selain itu, pembelajaran AI seharusnya selari dengan inisiatif STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik) yang dapat meningkatkan kemahiran kritis dan penyelesaian masalah pelajar.
46. Untuk mencapai kejayaan dalam inisiatif ini, kerajaan, terutamanya KPM, dan masyarakat perlu bekerjasama dalam memastikan kesiapsiagaan ekosistem pendidikan dan infrastruktur yang diperlukan. Pembelajaran AI perlu dirancang dengan hati-hati agar dapat memperkasa murid dan membantu mereka mengembangkan potensi mereka, tanpa bergantung sepenuhnya kepada teknologi yang boleh menghalang kemampuan berfikir secara kritis.

Isu 6: Pemberian Elaun Minimum kepada Pelatih Industri

Yang Berhormat Speaker,

47. Saya ingin menyentuh isu cadangan pemberian elaun minimum kepada pelatih industri, yang telah dibangkitkan dalam sidang ini. Perkara ini amat relevan dan dekat di hati ramai anak muda, khususnya mereka yang sedang menjalani latihan industri sama ada di sektor awam mahupun swasta. Pada masa ini, masih belum terdapat satu dasar menyeluruh yang mewajibkan pemberian elaun kepada pelatih industri di sektor swasta. Hal ini menyebabkan amalan pemberian elaun banyak bergantung kepada budi bicara serta kemampuan kewangan organisasi masing-masing, yang akhirnya menimbulkan ketidaksamaan pengalaman dalam kalangan pelajar.
48. Bagi pelajar yang berpeluang menjalani latihan industri di agensi Kerajaan, Kerajaan melalui Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah menetapkan satu dasar pemberian elaun berkuat kuasa mulai 1 September 2019. Dasar ini terpakai kepada pelajar warganegara Malaysia daripada Institut Pengajian Tinggi awam dan swasta, politeknik, kolej komuniti, serta Institut Pendidikan Guru, yang menjalani latihan amali sebagai syarat bergraduasi.
49. Kadar elaun yang ditetapkan ialah RM5.00 sejam, tertakluk kepada maksimum 8 jam sehari, dan hanya untuk tempoh maksimum 90 hari bekerja. Elaun ini tidak merangkumi kerja lebih masa, hujung minggu atau cuti umum. Secara keseluruhan, jumlah maksimum elaun yang boleh diterima oleh seorang pelatih ialah RM3,600 bagi satu tempoh latihan. Perlu ditekankan bahawa pemberian elaun ini hanya dibenarkan sekali sepanjang tempoh pengajian seseorang pelajar, meskipun terdapat lebih daripada satu sesi latihan industri. Pelaksanaan pembayaran elaun ini juga tertakluk kepada kemampuan kewangan kementerian atau jabatan yang menerima pelatih, serta perlu mematuhi prosedur perolehan dan kewangan yang ditetapkan oleh Kerajaan.

50. Dalam hal ini, Kerajaan sedar dan akui bahawa pelatih industri bukan sekadar 'pemerhati' di tempat kerja, tetapi merupakan penyumbang produktif yang turut melibatkan diri dalam operasi harian organisasi. Mereka meluangkan masa, tenaga dan sumber sendiri — *termasuk kos pengangkutan, makan dan tempat tinggal* — semata-mata untuk menimba pengalaman dan membina kemahiran kerja. Tanpa sokongan elaun yang minimum, ramai dalam kalangan mereka, terutamanya pelajar dari latar belakang B40, terpaksa menanggung beban kewangan yang besar demi melengkapkan keperluan pengajian mereka.
51. Justeru, saya amat menyokong usaha sekiranya dapat diwujudkan **satu dasar pemberian elaun minimum kepada pelatih industri, sekurang-kurangnya di peringkat agensi-agensi di bawah Jabatan Wilayah Persekutuan** seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Putrajaya dan Perbadanan Labuan. Ini bukan sahaja akan memberi keadilan kepada para pelatih, malah meningkatkan motivasi dan produktiviti mereka sepanjang tempoh latihan. Dalam jangka panjang, ia juga boleh menjadi satu bentuk insentif untuk menarik lebih ramai belia berbakat untuk mempertimbangkan kerjaya dalam sektor awam amnya dan pengurusan bandar khususnya.
52. Dalam masa yang sama, penglibatan sektor swasta juga amat penting. Saya berpandangan melalui insentif seperti potongan cukai atau kerjasama CSR, pihak swasta boleh digalakkan untuk bersama-sama menyumbang kepada pembentukan bakat muda negara melalui pemberian elaun latihan yang wajar dan berperikemanusiaan.

Isu 7 : Dasar Pembinaan Rumah Kedai dan Pejabat Mampu Milik

Yang Berhormat Speaker,

53. Menyentuh isu ketidakmampuan anak muda untuk memiliki premis berniaga, pada penggal Sidang Belia yang lepas dengan jelas saya nyatakan bahawa anak muda di Wilayah Persekutuan akan diberikan peluang melalui kawasan khusus untuk belia memulakan perniagaan secara berskala kecil. Terdapat sekumpulan anak muda melalui Majlis Belia Wilayah Persekutuan misalnya yang telah diberikan sebuah medan selera yang kekurangan pengunjung untuk dimajukan semula sebagai *cafe hipster* sesuai dengan selera anak muda.
54. Dalam ucapan Hari Belia Negara pada 27 Mei 2025 yang lalu juga sekali lagi saya ada menyentuh akan keperluan intervensi Kerajaan dalam menyediakan tempat berniaga untuk golongan belia. Walaupun masih dalam peringkat perbincangan, tetapi ingin saya kongsikan bahawa di Wilayah Persekutuan, tumpuan Kerajaan akan beralih daripada penyediaan rumah mampu milik kepada kedai dan pejabat mampu milik. Langkah ini diambil kerana kita menyedari bahawa keperluan anak muda pada hari ini bukan hanya tertumpu kepada pemilikan rumah, tetapi juga terhadap ruang ekonomi untuk mereka berdikari, berinovasi dan membina kerjaya melalui keusahawanan. Justeru, pendekatan baharu ini akan menumpukan kepada penyediaan kedai dan pejabat mampu milik khusus untuk belia — sama ada dalam bentuk inkubator perniagaan, kiosk modular, mahupun ruang niaga mikro di kawasan strategik yang berpotensi tinggi.
55. Kerajaan juga sedang meneliti model perkongsian awam-swasta (PPP) bagi melaksanakan inisiatif ini secara lestari, termasuk kerjasama dengan GLC, pihak berkuasa tempatan dan pemaju swasta, agar ruang-ruang perniagaan ini dapat disediakan dengan kos yang munasabah tanpa mengorbankan lokasi, aksesibiliti dan reka bentuk mesra belia

Isu 8 : SuperApps Wilayah Persekutuan

Yang Berhormat Speaker,

56. Dalam perbahasan ini, ada disentuh mengenai cadangan mewujudkan sebuah aplikasi tunggal yang merangkumi semua perkhidmatan pengangkutan awam seperti LRT, MRT, komuter, bas dan e-hailing. Saya dimaklumkan bahawa usul ini tidak diterima oleh ahli Sidang.
57. Walaupun tidak berkait secara langsung, tetapi ingin saya kongsi bahawa untuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, iaitu DBKL, Kerajaan sedang meneliti untuk membangunkan sebuah *SuperApps* Wilayah Persekutuan — satu aplikasi digital bersepadu yang merangkumi pelbagai perkhidmatan bandar seperti aduan awam, pembayaran cukai pintu, permohonan permit, semakan caj parkir, maklumat acara komuniti, serta integrasi lokasi tumpuan seperti klinik, masjid, perpustakaan dan ruang niaga, termasuklah bas GoKL kelolaan DBKL.
58. Apa yang lebih penting sebenarnya adalah memastikan *SuperApps* ini berfungsi sebagai platform berpusat untuk mempercepatkan respons terhadap kecemasan, dengan mengintegrasikan ciri seperti butang panik (*panic button*) dan pengesanan lokasi masa nyata. Melalui fungsi ini, sekiranya berlaku sebarang insiden seperti jenayah, kemalangan atau kecemasan kesihatan, warga kota hanya perlu menekan butang panik dalam aplikasi tersebut dan menunggu bantuan tiba di lokasi yang dikesan secara automatik.
59. Kaedah ini dilihat jauh lebih kos efektif berbanding pemasangan butang panik fizikal atau smart pole dalam jumlah besar di seluruh bandar raya. Dalam siri lawatan kerja saya ke Itali pada 5 hingga 11 Mei 2025, saya berpeluang meninjau sistem seumpamanya yang telah dilaksanakan di *CityLife*, Milan — sebuah kawasan pembangunan semula bekas tapak pameran *Fiera Milano* yang kini menjadi contoh bandar moden yang lestari, pintar dan berpusatkan komuniti. Di sana, sistem respons kecemasan telah diintegrasikan dalam aplikasi bandar yang digunakan penduduk dan pengunjung, termasuk ciri butang panik mudah alih, pengawasan bersepadu, dan pengesanan lokasi automatik.

60. Perbincangan lanjut berkenaan pelaksanaan inisiatif ini akan dimulakan bersama DBKL, diikuti oleh Perbadanan Putrajaya dan Perbadanan Labuan, dengan sokongan sektor swasta serta penyedia teknologi tempatan bagi memastikan pelaksanaan *SuperApps* Wilayah Persekutuan benar-benar memenuhi keperluan rakyat dan kecekapan pentadbiran bandar.

Penutup

Yang Berhormat Speaker,

61. Sebagai kesimpulan, saya tidak dapat menyembunyikan rasa bangga kerana perbahasan yang dibawa oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Sidang ini melangkaui isu belia semata-mata, sebaliknya menumpukan kepada usaha merapatkan jurang ekonomi, memperluas akses kepada pendidikan, serta merealisasikan aspirasi Wilayah Persekutuan sebagai sebuah bandar raya pintar, hijau dan lestari.
62. Semua usul dan syor yang telah dipersetujui dalam sidang ini akan diserahkan kepada Jabatan Wilayah Persekutuan untuk disusuli. Manakala bagi perkara yang dibincangkan dalam sidang ini tetapi merentasi portfolio Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) yang disandang oleh saya berdasarkan Akta 2 – Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969 (Pindaan 2023), akan saya bawa ke pengetahuan Jemaah Menteri untuk diambil tindakan oleh Menteri-Menteri yang berkaitan. Kemudian, Jabatan Wilayah Persekutuan akan menyusuli status tindakan dengan Kementerian yang terlibat. Ini bagi memastikan usaha yang telah dicurahkan oleh semua ahli Sidang Belia dalam perbahasan selama dua hari ini tidak menjadi sia-sia.
63. Walau bagaimanapun, saya ingin menyampaikan sedikit pengharapan saya supaya Sidang Belia Wilayah Persekutuan pada mesyuarat seterusnya turut membincangkan mengenai cadangan memperkasakan ‘fungsi kenegerian’ yang sepatutnya dilaksanakan oleh Jabatan Wilayah Persekutuan dan Menteri. Pelaksanaan ‘kefungsian’ ini dalam mentadbir Wilayah Persekutuan sebagai sebuah ‘negeri’ memerlukan penelitian perundangan dan dasar semasa yang berkuatkuasa serta kefahaman yang jelas di kalangan ahli Sidang. Sehubungan itu, luang masa di antara mesyuarat ini dengan mesyuarat akan datang hendaklah dimanfaatkan sebaiknya supaya Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian boleh kembali untuk berbahas dengan lebih konstruktif.

64. Akhir sekali, saya ingin merakamkan penghargaan setulus hati kepada para sekretariat Sidang Belia Wilayah Persekutuan atas dedikasi, kecekapan, dan ketekunan mereka dalam menjayakan persidangan ini. Usaha gigih tuan dan puan semua menjadi tunjang yang memungkinkan sidang ini beroperasi dengan ketertiban dan mencapai objektif yang disasarkan.
65. Setinggi-tinggi terima kasih juga saya tujukan kepada **Yang Berhormat Tuan Prabakaran Parameswaran, Ahli Parlimen Batu; Yang Berhormat Tuan Howard Lee, Ahli Parlimen Ipoh Timur; dan Yang Berhormat Tuan R. Yuneswaran, Ahli Parlimen Segamat**, atas kesudian menyahut pelawaan sebagai Speaker dan Timbalan Speaker bagi mesyuarat ini. Kepemimpinan dan budi bicara yang dipamerkan oleh Yang Berhormat sekalian telah menjadi teladan kepada Sidang ini, seterusnya membantu perbahasan dijalankan dalam penuh kesantunan serta ketajaman intelektual.
66. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada **Tuan Yusrie Mohd Daud**, alumni dan penerima Pingat Jasa Cemerlang, Sidang Belia Wilayah Persekutuan 2024 yang meminjamkan khidmatnya sebagai Timbalan Speaker dalam mesyuarat kali ini.
67. Sebagai penutup, marilah kita bersama-sama memanjatkan doa kepada Yang Maha Esa agar Sidang Belia Wilayah Persekutuan ini terus melangkah ke edisi-edisi seterusnya dengan lebih cemerlang. Semoga platform ini kekal menjadi wadah unggul untuk memperkasa generasi muda, yang akan memimpin kita menuju masa depan yang lebih gemilang, berdaya saing dan berpandangan jauh.

68. Sudah menjadi kebiasaan saya di Parlimen untuk menutup ucapan penggulungan saya dengan serangkap dua pantun. Jadi. sebelum Sidang ini melabuhkan tirainya, izinkan saya untuk berkongsi pantun berikut:

*Dari Labuan beribu batu,
Tiba di Kuala Lumpur kapal mendarat,
Ke Putrajaya tujuannya satu,
Di Sidang Belia mencurah pendapat.*

*Berakhir sidang di PICC,
Penat bermesyuarat sepanjang hari;
Kenangan manis terpahat di hati,
Moga bertemu sebelum Januari.*

69. Dengan lafaz mulia بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ , saya dengan ini merasmikan Mesyuarat Pertama, Sidang Belia Wilayah Persekutuan Penggal 2025.

70. Saya sudahi ucapan saya dengan:

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Sekian, terima kasih.

*Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan)
Menara Seri Wilayah, Putrajaya*

Ahad, 22 Jun 2025